

# UTHM didik warga berdaya saing


11.5-11  
Siva  
Itawan.

**PARIT RAJA** - Bagi melahirkan warganya yang terbaik dan berdaya saing, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melaksanakan program penilaian bagi tujuan berkenaan.

Pengerusi, Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Datuk Ir Jamilus Md Hussin berkata, usaha melahirkan warga dan mahasiswa terbaik bukanlah perkara mudah kerana pelbagai cabaran serta rintangan perlu diharungi.

Menurutnya, kecemerlangan yang ditunjukkan mahasiswa tidak seharusnya terhad melalui bidang akademik sahaja, sebaliknya bidang lain seperti sukan dan kokurikulum perlu seiring.

"Diharapkan momentum meningkatkan kecemerlangan ini tidak terhenti sekerat jalan sahaja,



■ MOHD ZULFADLI

malah perlu diteruskan supaya dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan potensi diri ke arah yang lebih optimum.

"Pengalaman ditimba melalui pelbagai aktiviti yang disertai diharapkan dapat menerapkan kemahiran insaniah dalam diri ke arah melahirkan warganegara cemerlang dari pelbagai sudut serta mempunyai jati diri unggul," katanya pada perasmian Malam Anugerah



■ Jamilus (tengah) bersama warga UTHM yang berjaya merangkul anugerah dalam kategori masing-masing.

Pelajar 2010 UTHM, baru-baru ini.

Majlis berkenaan anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTHM, yang turut dihadiri Pemangku Naib Canselor Dalam Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Prof Ir Dr Amir Hashim Mohd Kassim.

Penerima Anugerah Mahasiswa Gemilang, Mohd Zulfadli Rozali berkata, majlis anugerah seperti ini wajar diteruskan kerana ia menjadikan warga UTHM lebih matang.

Menurutnya, pelaksanaannya setiap tahun membuatkan pelajar

terutamanya menjadikan anugerah ini sebagai platform meneruskan keyakinan menjadi terbaik dalam kalangan yang terbaik.

"Kecemerlangan yang saya peroleh ini adalah hasil bimbingan dan tunjuk ajar daripada seluruh warga UTHM terutamanya rakan

yang memberikan dorongan serta galakan.

"Perkara yang paling penting sekali ialah keseimbangan dalam pelajaran dan juga kegiatan luar menjadi tunjang terbaik untuk melahirkan warganegara yang berkebolahan," katanya.